

SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/04/16_20 (HQ)

HAMPIR 9,400 WARGA TNB BERTUGAS DEMI KESELESAAN RAKYAT SAMBUT SYAWAL

- Penugasan tenaga kerja di seluruh rantaian perkhidmatan termasuk di stesen janakuasa, pusat kawalan, rangkaian penghantaran dan pembahagian
- PELITAWANIS titipkan bingkisan kuih raya tanda penghargaan kepada warga kerja terlibat

Tenaga Nasional Berhad (TNB) komited mahu memastikan orang ramai selesa menyambut Syawal dengan menugaskan hampir 9,400 warga kerja di pelbagai peringkat, demi menjamin kestabilan bekalan elektrik di seluruh Semenanjung pada Hari Raya Aidilfitri ini.

Penugasan giliran dan tunggu sedia itu dilakukan di stesen-stesen janakuasa, pusat kawalan dan seluruh rantaian perkhidmatan termasuk grid dan pencawang, bagi memastikan kelancaran penghantaran dan pembahagian bekalan elektrik serta siap siaga memberi perkhidmatan pelanggan.

“Walaupun tugas ini adalah rutin harian warga kerja di bahagian perkhidmatan masing-masing, namun ia adalah satu pengorbanan tatkala orang ramai ceria menyambut Aidilfitri bersama keluarga, sedangkan mereka bertugas di lapangan,” kata Pengerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid.

Bagi menghargai sumbangan warga kerja terlibat, TNB mengekalkan tradisi menitipkan bingkisan kuih raya sebagai tanda penghargaan. Persatuan Wanita TNB (PELITAWANIS) dari cawangan sekitar Semenanjung Malaysia berganding bahu menyiapkan hampir 9,400 paket bingkisan kuih raya minggu lalu.

Abdul Razak bersama-sama Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din menyempurnakan Sesi Simbolik Penyerahan Bingkisan Raya TNB 2023 kepada ketua-ketua bahagian TNB di TNB Platinum, Ibu Pejabat TNB, Bangsar pada 13 April.

Menurut Baharin, pemantauan di setiap negeri khususnya dalam bidang teknikal ditingkatkan menjelang Syawal dengan jangkaan umat Islam pulang lebih awal ke kampung halaman, selain mereka yang mengambil peluang melancong sempena cuti panjang hujung minggu.

“Bersamalah kita doakan agar mereka yang bertugas ini sentiasa sihat dalam menyempurnakan amanah dengan selamat demi keselesaan semua. Terima kasih kerana sentiasa komited memikul tanggungjawab ini yang juga adalah satu ibadah atas kepentingan umum,” katanya.

S.A. 2023/04/16_20 (HQ)

Penugasan sebegini ramai tenaga kerja mengambil kira tempoh kritikal 72 jam (3 hari) bermula sehari sebelum 1 Syawal, berikutan penggunaan tenaga elektrik dijangka meningkat ketika orang ramai rancak membuat persiapan akhir terutama pada malam Aidilfitri.

Sementara itu, Yang Dipertua PELITAWANIS TNB, Datin Indera Noor Aizah Abd Karim berkata, kerja-kerja pembungkusan Bingkisan Aidilfitri TNB 2023 itu bermula pada 3 Mac dan selesai pada 9 April 2023 serta akan dihantar ke pejabat TNB di seluruh Semenanjung.

"Bingkisan Aidilfitri TNB ini adalah tanda ingatan dan penghargaan TNB kepada pekerja-pekerja yang diberi tanggungjawab untuk bertugas pada hari raya pertama demi memastikan bekalan elektrik kekal berdaya harap dan stabil untuk keselesaan rakyat bagi merayakan Aidilfitri dengan penuh kegembiraan," katanya.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 16 April 2023, jam 10:00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami: media@tnb.com.my



Pengerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid (tiga, kanan) diiringi Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (tiga, kiri) menyerahkan bingkisan raya kepada Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), Dato' Nor Azman Mufti (dua, kiri) di Sesi Simbolik Penyerahan Bingkisan Raya TNB 2023 di TNB Platinum, Ibu Pejabat TNB, Bangsar pada 13 April 2023.

Turut hadir, Penaung Pelitawanis TNB, Datin Shamsinar Shaari (dua, kanan), Yang Dipertua PELITAWANIS TNB, Datin Indera Noor Aizah Abd Karim (paling kanan) dan Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood (paling kiri).



Sebahagian Ahli-ahli Pelitawanis TNB bertungkus lumus menyiapkan kerja-kerja pembungkusan bingkisan kuih raya bermula pada 3 Mac dan selesai pada 9 April 2023 serta akan dihantar ke pejabat TNB di seluruh Semenanjung.



Tenaga Nasional Berhad (TNB) komited mahu memastikan orang ramai selesa menyambut Syawal dengan menugaskan hampir 9,400 warga kerja di pelbagai peringkat, demi menjamin kestabilan bekalan elektrik di seluruh Semenanjung pada Hari Raya Aidilfitri ini.